

KONSEP WIRA MELAYU DALAM DRAMA

ABD. RAHMAN NAPIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

Aspek wira atau heroisme mendapat perhatian yang istimewa dari para dramatis Malaysia, terutamanya yang menulis sandiwara. Heroisme adalah pemujaan terhadap seseorang tokoh, yang dianggap mempunyai kelebihan, keunggulan, krisma dan kewibawaan serta memiliki sifat-sifat luar biasa: tegap dan kuat lagi perkasa dari segi fizikalnya dan mempunyai berbagai-bagai keilmuan kebatinan dari aspek rohaninya serta seorang yang sangat bijaksana, kadang-kadang ia dianggap sebagai manusia yang sungguh hebat dan mengkagumkan: superhuman.¹

Boleh dikatakan setiap bangsa ada mempunyai tokoh pahlawan masing-masing; justeru ia melambangkan kegagahan dan keunggulan sesuatu bangsa itu.² Hang Tuah telah dijadikan lambang kepahlawanan bangsa Melayu, dan dalam penulisan drama ia menjadi tumpuan ramai para dramatis untuk mengemukakan kegagahannya. Tidak syak lagi heroisme dalam drama banyak mengkisahkan keperwiraan Hang Tuah.³

Kegagahan Hang Tuah sedah didramakan dalam bentuk bangsa wan lagi.⁴ Kemudian ia menjadi bahan yang sungguh popular dan dominan dalam peringkat pertumbuhan sandiwara. Boleh dikatakan mana-mana badan yang ingin bergiat dalam drama akan mementaskan drama Hang Tuah. Buku-buku drama yang diterbitkan juga banyak berpusat kepada keperwiraan Hang Tuah ini seperti yang ditulis oleh Syed Alwi Alhady, Izhab Alang Ismail, Hamidy Anwar, Ali Aziz dan Usman Awang. Bukti yang jelas kisah Hang Tuah sangat popular dapat dilihat dari keterangan-keterangan yang diberikan oleh Syed Alwi Alhady. Sejak sebelum Perang Dunia Ke 11, dalam masa pemerintahan Jepun dan selepas menyerahnya Jepun drama sandiwara Hang Tuah yang dipentaskan oleh Syed Alwi Alhady mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.⁶ Dan seterusnya di zaman-zaman berikutnya kisah Hang

¹ William King, 1965. *Heathen Gods and Heroes*, London: Centaur Press Limited. Pendahuluan.

² Heroisme ada hubungannya dengan metos, legenda dan unsur-unsur kepercayaan sesuatu bangsa. Ada masanya ia dikaitkan dengan faktor dan sifat dewata, magis dan ritualisme.

³ Kassim Ahmad, 1964. *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Pendahuluan.

⁴ Rahmah Bujang, 1975. *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 54.

⁶ Syed Alwi Alhady, *op. cit.*, Pendahuluan.

Tuah ini terus dipersembahkan dan mendapat sambutan yang hebat.⁷

Mengapa watak Hang Tuah sangat dipuja?

Inilah persoalan yang menarik dalam konteks perbincangan kita mengenai aspek heroisme ini. Dan tidak syak lagi Hang Tuah menjadi tokoh yang dipuja zaman berzaman, dan ramai orang telah membuat tafsiran mengenai diri Hang Tuah; Kassim Ahmad berpendapat:

Hang Tuah telah dikenali oleh sebab keberanian dan kepahlawanannya yang luar biasa. Sifat-sifat dirinya yang selalu memainkan peranan yang penting. Dia tidak takut kepada apa-apa pun dan tidak dapat menolak sesuatu cabaran untuk berlawan. Telah menjadi satu pegangan hidupnya yang dia tidak tunduk kepada sebarang ugutan, mahupun yang dibuatnya sendiri.⁸

Melalui *Hang Tuah Pahlwan Melayu* karya Syed Alwi Alhady itu memang menjadi motif utama yang ingin dikemukakan olehnya ialah kisah kecermelangan dan keperkasaan Hang Tuah. Mengandungi empat babak dengan empat belas adegan, dramatis ini cuba menceritakan keseluruhan kehidupan Hang Tuah dari sejak kecilnya mengalahkan lanun di lautan bersama-sama sahabatnya,⁹ menumpaskan orang mengamuk yang hendak membunuh Datuk Bendahara, pergi belajar ilmu batin dan pencak silat, berkhidmat di dalam istana, ke Majapahit menewaskan Tambing Sari, ke Pahang melarikan Tun Teja, akhirnya terfitnah, dihukum bunuh dan seterusnya berdepan dengan Hang Jebat yang dianggap menderhaka.¹⁰

Pada keseluruhan drama itu hendak mewirakan Hang Tuah, yang berjaya dalam semua bidang hidup yang diterjuninya. Dan lebih penting lagi kisah kepahlawanan Hang Tuah secara umumnya, melambangkan kekuatan bangsa Melayu dan pernah dikatakan sebagai simbol dari penjelmaan sifat-sifat keperwiraan bangsa Melayu, dan ia dianggap sebagai daya aspirasi rakyat seluruhnya.¹¹ Keperwiraan Hang Tuah juga rapat sekali hubungannya dengan sejarah dan semangat kebangsaan

⁷ Ini saya dasarkan dari perhatian, penelitian dan penglibatan saya sendiri dalam drama. Boleh dikatakan drama Hang Tuah ini akan dipilih sebagai drama pertama untuk dipentaskan jika ada badan-badan drama yang hendak mementaskan drama. Apalagi misalnya jika badan itu hendak mementaskan drama sejarah, maka kisah keperwiraan Hang Tuah inilah yang diutamakan. Seolah-olah tidak sah sesebuah badan drama itu jika mereka tidak mementaskan drama Hang Tuah ini ia tidak pernah luntur oleh zaman. Menyebut namanya saja orang-orang Melayu seakan-akan mendapat semangatnya. Baik di bandar apalagi di desa-desa setiap pementasan yang mengemukakan kisah kegagalan Hang Tuah akan mendapat sambutan. Nama Hang Tuah itu sendiri sesungguhnya sudah menjamin sambutan diri andien.

⁸ Kassim Ahmad, 1973. *Perwatakan Dalam Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 46.

⁹ Sahabat-sahabatnya ialah Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Tetapi menurut *Sejarah Melayu* hanya Hang Kasturi dan Hang Lekir saja.

¹⁰ Keseluruhannya kisah-kisah tersebut digambarkan secara adegan demi adegan dan mengikut urutan sejarah hidup Hang Tuah.

¹¹ Hamzah Ahmad, 1964-65. "Sifat-sifat Seorang Pahlawan Dalam Sastera Pahlawan Melayu", *Bahasa*, Jil. I. Bil. IV, hal. 121.

bangsa Melayu.¹² Ia juga membuktikan bahawa sejarah bangsa Melayu mempunyai seseorang tokoh yang gilang gemilang; ini akan memperkuat semangat bangsa Melayu yang ingin maju bagi merebut kemerdekaan tanahair.¹³

Membaca drama Hang Tuah ini, seolah-olah kita bertemu dengan seorang tokoh yang ideal dan membawa imej yang taat setianya kepada raja tidak berbelah bahagi. Seluruh hidup dan jiwaganya dicurahkan kepada sultan; sehingga ketika ia difitnah oleh Kerma Wijaya yang dikatakan Hang Tuah bermukah dengan gundik raja dan dihukum bunuh, dengan tenang Hang Tuah berkata:

Tun Tuah: Datuk, silalah datuk kerjakan titah perintah ke bawah duli yang di Pertua itu, kerana percayalah, bahawa sekali-kali Si Tuah ini tidak akan mengengkarkan titah perintah rajanya — jauh sekali mendurhaka padanya.¹⁴

Begitulah kepaduan dan kebulatan taat-setia Hang Tuah kepada rajanya, meskipun ia tahu ia telah terfitnah. Taat-setia Hang Tuah banyak dibincangkan sebagai suatu gambaran taat-setia orang Melayu seluruhnya kepada sultan dan kepada sistem hidup feudalisme.¹⁵ Hamidy Anwar yang menulis drama Tuah Dalam Sejarah¹⁶ dalam prakatanya ia menulis:

Sejarah kita banyak menyimpan kisah pahlawan Hang Tuah merupakan lambang kesateriaan dan kepahlawanan bangsa kita. Ia telah memperlihatkan satu contoh peribadi yang begitu tinggi dan mulai dalam mengabdikan dirinya kepada sultan dan negara.¹⁷

Tidak syak lagi kedudukan Hang Tuah di mata masyarakat kita sebagai tokoh yang tidak ada tolak bandingannya. Kegagahannya luar biasa, dikagumi oleh kawan dan ditakuti oleh lawan. Menyebut namanya saja semacam sudah mendapat kekuatan dan kemegahan, justeru dalam dirinya tersimpan peribadi yang teguh dan kuat dan keperwiraannya menjadi kebangsaan zaman berzaman. Beberapa aspek keperwiraan Hang Tuah itu dapat ditinjau dari beberapa keistimewaan yang seolah-olah sengaja diadakan seperti unsur mimpi sebelum kelahirannya, kejayaannya masa

¹² Abdul Malek Ahmad, 1964-65. "Perhatian Penulis Sebagai Seorang Ahli Sastera Dalam Sastera Pahlawan", *Bahasa*, Jil. I, Bil. IV, hal. 110.

¹³ Aspirasi rakyat selalu menjadi inspirasi para karyawan untuk mencipta karya mereka. Sejarah kepahlawanan tetap merupakan sumber utama bagi pengarang mendapatkan sumber kekuatan bagi sesebuah perjuangan kemerdekaan. Ini dapat dilihat karya-karya Shakespeare sendiri menggarap kisah pahlawan dalam usaha menghidupkan semangat keinggerisan.

¹⁴ Alwi Shaikh Alhady, *op. cit.*, hal. 108.

¹⁵ Kassim Ahmad, *op. cit.*, hal. 7 dan 53-54.

¹⁶ Hamidy Anwar, *Tuah Dalam Sejarah*, Kota Bharu: Pustaka Dian, tanpa tarikh.

¹⁷ *Ibid.*, Pra-lata.

kecil dan dia berjaya menghadapi sebesar mana pun kegentingan.¹⁸ Dalam babak pertama adegan pertama digambarkan Hang Mahmud ayah kepada Hang Tuah bermimpi cahaya bulan purnama memancar ke atas seluruh kepala Hang Tuah:

Hang Mahmud: . . . di dalam mimpi kami itu kami lihat bulan purnama sekonyong-konyong memancarkan cahayanya ke atas seluruh kepala anak kita, Tuah. Oleh yang demikian mestilah kita jaga dan pelihara akan dia dengan sebaik-baiknya.¹⁹

Syed Alwi Alhady melalui drama *Hang Tuah Pahlawan Melayu* ini menekankan tiga peristiwa penting yang dilalui oleh Hang Tuah iaitu membunuh Taming Sari, melarikan Tun Teja dan berhasil menumpaskan Jebat. Keperkasaaan Taming Sari masyhur ke seluruh Nusantara dan tidak dapat dibunuh kecuali oleh keris yang memakai namanya sendiri. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan Hang Tuah dengan muslihatnya berjaya merampas keris tersebut dan berhasil mengkecundang pahlawan majapahit itu.²⁰ Dengan kebijaksanaan juga Tun Teja telah jatuh cinta padanya dan rela dibawa ke Melaka:

Tun Teja: Ya Allah, usahkan ke Melaka, jika ke lautan api sekalipun kami ikuti asalkan tuan hamba sudi membawa kami, kalau tidak redalah kami mati . . .²¹

¹⁸ Unsur mimpi seperti itu hanya berlaku pada manusia pilihan dalam sistem kepercayaan orang-orang Melayu. Misalnya Parameswara bermimpi dengan bertemu Nabi Muhammad lalu diIslamkan seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Unsur mimpi ini juga dikaitkan dengan unsur ramalan, di mana Hang Tuah telah diramalkan oleh Adi Putera, guru silatnya, bahawa dia akan jadi pahlawan raja, bijaksana, taat-setia, menjadi lambang negara dan berjaya menumpaskan Jebat. Jelas sekali unsur mimpi dan ramalan ini hendak mempertokoh dan memperbesarkan diri Hang Tuah. Saya percaya pengarangnya, cuba mengambil iktibar sejarah hidup dan sirah Rasulullah, di mana baginda dikurniakan Allah mimpi yang majbur dan masa kecil baginda penuh dengan kejayaan dan pernah diramalkan oleh pendeta bahawa baginda akan menjadi rasul akhir zaman. Tidak syak lagi kedua-dua unsur ini menjadi sifat heroisme Melayu.

¹⁹ Syed Alwi Alhady, *op. cit.*, hal. 2.

²⁰ Hang Tuah telah memasang perangkap secara bermuafakat dengan Taming Sari supaya dapat mengalahkan Seri Betara dan Pateh Gajah Muda, dengan itu Taming Sari mempunyai peluang menjawat Ratu Majapahit, suatu jawatan tertinggi dalam hirarki empayar Majapahit. Hang Tuah berkata:

Hanya satu perkara saja yang kulo susahkan kita berdua tentulah mesti mengadap dan melawan berapa banyak perajurit, hulubalang dan pahlawan yang handal-handal sebelum kita dapat membunuh raja dan menteri, maka yang hamba khawatirkan sekarang ialah kerana keris paman tak cukup panjang. Hamba ada dua keris panjang . . . pilih sahaja yang mana paman suka.

Taming Sari telah bersetuju menukarkan kerisnya:

Nah ambillah, aku berikan kerisku yang sangat-sangat aku sayangi aku berikan kepadamu.

Sebaik saja Hang Tuah mendapatkan keris itu, lalu dikatakannya Taming Sari hendak mendurhaka lalu dibunuhnya.

²¹ Syed Alwi Alhady, *op. cit.*, hal. 92.

Orang Melayu memberikan Hang Tuah sifat-sifat keajaiban yang dihubungkan dengan kemukjizatan dan metafizik. Dalam hal ini, Kassim Ahmad ada menyatakan:

Hang Tuah ialah epik Melayu di dalamnya telah dilahirkan cita-cita dan kebesaran bangsa Melayu. Ia telah mencatatkan riwayat bangsa ini dari sejarah mulanya, melewati zaman pembangunannya lalu di zaman kebesarannya. Tokoh Hang Tuah mewakili bangsa Melayu sendiri.²²

Kelebihan-kelebihan yang diciptakan untuk seseorang hero sebenarnya hendak menggambarkan kelebihan-kelebihan bangsa itu sendiri.²³ Zaiba, pada masa menulis kata-kata pendahuluan buku *Laksamana Hang Tuah* karya Abdul Samad Ahmad ada menyatakan:

Walaupun cerita Hang Tuah tidak semestinya sejarah tetapi tidak syak lagi keperwiraan Hang Tuah memang ada, dan usaha menghidupkan kembali kisah keperwiraan Hang Tuah dapat dianggap sebagai hendak meghidupkan semula kegemahan bangsa Melayu zaman dahulu kala.²⁴

Barangkali, tidak ada orang yang tidak bersetuju dengan pendapat Zaiba itu, memanglah tujuan memperbesar dan memperlegendakan Hang Tuah itu dengan harapan untuk membuktikan bahawa bangsa Melayu juga mempunyai heronya sendiri. Ini akan dapat memberikan semangat baru kepada bangsa Melayu, banggakan kepada sejarah dan keagungan dirinya; sesuai seperti yang dikatakan oleh Abu Bakar Hamid: drama sejarah ingin menghidupkan kembali semangat zaman lampau yang penuh kebesaran.²⁵

Perbincangan heroisme Hang Tuah dapat dilihat dalam *Laksamana Melaka di Indera Pura*,²⁶ yang menceritakan bagaimana perkasanya Tuah dalam menghadapi rintangan dari para penyamun, perompak dan penjahat di Indera Pura. Pendeknya dia adalah tokoh yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun, tepat sekali ia sebagai tokoh yang diheroismekan. Jadi di sini dapat saya simpulkan konsep heroisme Melayu berdasarkan drama-drama Hang Tuah ialah ia muncul sebagai pahlawan gagah berani, taat-setia dan menjunjung perintah, dapat dikatakan heroismenya hasil dari pancaran ketaat-setiaan seorang hamba kepada tuannya. Sesungguhnya ini adalah heroisme bagi masyarakat feudalisme. Seorang tuan mempunyai kuasa yang tidak boleh diganggu-gugat. Kuasanya mutlak dan hak. Berdikari atas daulatnya dan duduk di bawah cemaranya.²⁷ Hang Tuah adalah tokoh perwira bagi sebuah masya-

²² Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, Pendahuluan.

²³ William King, *op. cit.*, Pendahuluan.

²⁴ Abdul Samad Ahmad, 1954. *Laksamana Hang Tuah*, Kuala Lumpur: The Khe Meng Press. Kata-kata Aluan.

²⁵ Abu Bakar Hamid (ed.) 1974. *Diskusi Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 137.

²⁶ Izhah Ismail, 1962. *Laksamana Melaka Di Indera Pura*, Pulau Pinang: Sinaran Bros.

²⁷ J.M. Gullick, 1970. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (Terjemahan) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 105-107 dan 226-228.

rakat fidualisme.²⁸ Sebab itu heroismenya bangun dan jatuh bersama-sama kerajaan Melaka.²⁹ Hujjah yang paling besar ialah peristiwa pertarungan antara Hang Tuah dengan Hang Jebat. Ujar Tuah:

Hang Tuah: Apatah dayaku Jebat, aku ini menjunjung titah perintah daripada sultan untuk membunuh engkau. Kalau kerana kesalah-an yang lain dapat aku pohonkan ampun ke bawah duli baginda. Aku percaya saudar-saudara kita . . . akan menyokong permohonanku . . .³⁰

Bagi Hang Tuah perbuatan Hang Jebat yang mendurhaka itu sebagai memper-sendakan perlembagaan hidup dan kesultanan Melaka dan juga mendurhaka kepada Tuhan:

Hang Tuah: Heh Jebat, sungguh sempit akal fikiranmu. Tidakkah engkau ketahui yang perbuatan engkau itu bererti durhaka kepada raja yang demikian akan dilaknatkan oleh Tuhan?³¹

Percubaan Hang Jebat cuba mempersoalkan konsep taat-setia itu tidak mendapat tempat dalam masyarakat feudal, lalu ia dibunuh, seolah-olah matinya itu sebagai suatu alegori terhadap penentangan feudal sistem hidup Dan hidu-plah dan tegaklah Hang Tuah bersama-sama dengan sifat kepahlawanannya: yang dapat dikonsepsikan heroisme Melayu berdasarkan seorang tokoh yang tidak boleh dicabar oleh sesiapa pun. Konsep heroisme Melayu seperti yang dapat ditanggap dari drama ini, berbeza dengan konsep heroisme Barat, yang bersandar pada kematian si hero tersebut: tegasnya heronya mati terkorban akibat memperjuangkan sesuatu apa yang difikirkannya baik.³² Ini rapat sekali dengan pengertian baru terhadap konsep kepahlawanan Hang Tuah itu sendiri, di mana pandangan-pandangan baru telah muncul dan orang cuba mempertikaikan kepahlawanannya.

²⁸ Shahrim Abdullah, 1966. *Warna Sari Kebudayaan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, hal. 50 dan lihat juga J.M. Gullick, *op. cit.*, hal. 230-234.

²⁹ Ini didasarkan bahawa umur Hang Tuah dari sejak kerajaan Melaka mula naik sampai jatuhnya di tangan Portugis. Ada yang mengatakan kisah Hang Tuah itu sendiri sebagai suatu duplikasi kisah jatuh banggunya kerajaan Melaka sendiri. Tidak mungkin manusia sebegitu panjang, umurnya.

³⁰ Syed Alwi Alhady, *op. cit.*, hal. 139.

³¹ *Ibid.*, hal. 137.

³² Heroisme Barat dihubungkan dengan unsur tragedisme, di mana seorang tokoh itu biasanya dimatikan di saat akhir perjuangannya; tetapi ia berjaya dalam perjuangannya itu dan tidak sempat melihat kejayaannya. Inilah yang dikatakan 'tragic heri' yang sejarahnya dikaitkan dengan 'Christ' dan 'Promethegus'. Ada masanya ia muncul sebagai penyelamat kepada sesuatu keadaan masyarakat yang genting atau lahir bersama-sama sebuah idealogi. Heroisme Hercules adalah contoh yang tepat dalam mengenali konsep heroisme Barat, dalam hidupnya ia berjuang untuk rakyat biasa, difitnah dan macam-macam rintangan dihadapi, ia terus berjuang dan akhirnya ia terkorban dalam perjuangan. Heroisme Hercules menjadi sumber sastera kepahlawanan Barat. Sila baca: Lord Raglan, 1967. *The Hero*, London: Watt & Company. Dan baca juga, Eugene M. Waith, 1967. *The Herculean Hero*, New York: Columbia University Press.

Bagi Ali Aziz yang menulis drama *Jebat Mendurhaka*,³³ Hang Jebat yang terkorban dengan idealoginya menentang sultan,³⁴ harus dianggap sebagai hero, bukannya Hang Tuah. Ali Aziz dengan beraninya cuba meletakkan Hang Jebat sebagai tokoh wira yang baru: justeru ia berani berdepan dengan sistem feudal dan menifatkan taat-setia yang membabi buta sebagai perbuatan sangat bodoh. Hang Jebat merasa sikap Hang Tuah sebagai tali barut kepada perdaulatan merugikan, dan ini bertentangan dengan prinsip hidupnya.³⁵ Baginya adalah satu tanggungjawab yang wajib ditunaikan bagi mereka yang teraniaya. Biar siapa pun jika ia bersalah, baik sultan, mestilah sanggup menanggung risiko dan pembalasannya. Harus ditegaskan, perbuatan Jebat itu bukannya sewenang-wenangnya, telah difikirkannya dalam-dalam. Dia sedar apa yang dilakukannya tidak akan mendapat restu rakyat terbanyak; malah ia bertanggungjawab di hadapan Allah Taala bila ia berkata:

Hang Jebat: Untukku Tuhan itu mentakdirkan segala yang di dunia ini, tetapi perbuatanku aku yang bertanggungjawab.³⁶

Tanpa berselindung-selindung, dengan secara perlahan-lahan seperti yang digambarkan oleh Ali Aziz, Jebat memulakan langkahnya dengan tidak mahu mengadap sultan, kemudian dia asyik bermain-main dengan gundek raja, seterusnya dilarang para pembesar masuk istana dan akhirnya dia mengisytiharkan diri. menentang sultan dan berhasrat hendak melenyapkannya dari bumi Melaka.

³³ Ali Aziz, 1960. *Jebat Mendurhaka*, Singapura: Malaya Publishing House.

³⁴ Hang Jebat marah atas kezaliman sultan Mansor Shah yang menerima fitnah pembesar negeri, yang mengatakan Hang Tuah bermukah dengan gundek lalu ia dihukum bunuh. Hukuman bunuh tanpa usul periksa dan tidak mengira betapa besarnya jasa-jasa Hang Tuah selama ini, disifatkan oleh Jebat sebagai satu jenayah besar dan kezaliman. Dalam Ali Aziz, *op. cit.*, hal. 39, Hang Jebat berkata:

Hang Jebat: Sultan itu zalim, aku mesti menuntut bela daripadanya, sebiji mata dengan sebiji mata, tulang yang patah dengan tulang yang patah, airmata dengan airmata, darah dengan darah, malu dengan malu. Dia menghukum engkau Tuah dengan hukuman yang memalukan bermukah dengan perempuan istana. Aku bermukah dengan perempuan itu untuk menuntut bela. Aku pendekar, gaya pendekar menuntut bela sungguh-sungguh Tuah, tidak kurang dan tidak lebih.

³⁵ Sebenarnya tafsiran baru dalam aspek heroisme drama Malaysia telah tumbuh sebelum drama *Jebat Mendurhaka* ini. Tetapi konsepnya tetap dikemukakan oleh Ali Aziz sendiri. Pada tahun 1958 ia telah menulis sebuah drama radio yang bersiri dinamakan "Tragedi Hang Jebat", di mana ia cuba menunjukkan Jebat sebagai seorang hero dan meragukan Hang Tuah sebagai hero. Kemudian pada tahun 1959 Kassim Ahmad telah menjadikannya sebagai dasar pemikiran kepada latihan Ilmiah di Pengajian Melayu Universiti Malaya Singapura dengan "Perwatakan Dalam Hikayat Hang Tuah", yang bersetuju dengan saranan Ali Aziz itu. Konsep ini kemudiannya terus dikembang dan diterima oleh masyarakat. Ia juga telah difilemkan oleh Syarikat Cathay Kris dengan judul "Hang Jebat" yang peranannya dimainkan oleh Nordin Ahmad, di mana filem arahan Husain Haniff ini sangat mendapat sambutan hangat; dan yang penting dalam perbincaran kita ini ialah konsep heroisme si Jebat itu terus subur di kalangan masyarakat Malaysia.

³⁶ Ali Aziz, *op. cit.*, hal. 51.

Prinsip Jebat hidup berpayung di bawah kebenaran dan keadilan.

Sultan adil sultan disembah, sultan zalim sultan disanggah. Si mati akan hidup balik supaya yang hidup akan mati.³⁷

Meskipun Jebat terkorban, kematian dan perjuangannya itulah menjadikannya seorang hero yang tragik. Namanya akan menjadi satu lambang heroisme yang baru; dan bagi Ali Aziz penentangan Jebat dan pertarungan Jebat-Tuah, merupakan satu sejarah penting serta penuh simbolik dalam sejarah kerajaan Melaka dan sebagai satu permulaan dari suatu kebangkitan yang tidak menyenangkan pembelengguan feudalisme.³⁸

Usman Awang lebih agresif dan lantang suaranya dari Ali Aziz dalam mengheroismekan Jebat, sehingga judul dramanya dinamakan dengan "Matinya Seorang Pahlawan".³⁹ Drama sebabak ini memfokuskan saat-saat terakhir pemberontakannya, di mana ia sedang berpesta-pesta dengan gundik-gundik raja, tiba-tiba muncul Hang Tuah. Usman Awang banyak memberikan dialog-dialog yang mengeksplisitkan jiwa Jebat:

Jebat: Aku dititahkan oleh Maha Kebenaran untuk menuntut darah abang Ruah.⁴⁰

Jebat: Di dadaku tak ada erti menyesal, Tuah Aku berbuat atas keyakinanaku.⁴¹

Jebat: Tapi taat setiamu itu menyebabkan aku tertawa . . . ketika orang menitahkan kematianmu kau junjung dengan segala kerelaan.⁴²

Jebat: Tetapi, Tuah, percayalah kataku ini, bahawa keturunan kita yang akan datang akan menyesali ketaatan kau yang berlebih-lebihan.⁴³

Jebat: Hai orang-orang Melaka, aku telah menentang kezaliman dengan darahku, darahku sendiri darahku ini telah mengalir, darahku bercucuran, hanya atas keyakinanaku membela keadilan dan untuk keadilan itulah pula darah ini kuberikan.⁴⁴

Tidak syak lagi, pemikiran baru yang dikemukakan oleh Ali Aziz dilanjutkan oleh Usman Awang telah menempatkan Jebat sebagai heroisme Melayu yang baru. Perubahan ini bukanlah sesuatu yang menakjubkan, heroisme itu sering bertukar

³⁷ Ali Aziz, *op. cit.*, hal. 51.

³⁸ Ali Aziz, 1965. *Zaman Gemilang Kerajaan Melaka*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hal. 85-90.

³⁹ Usman Awang, 1976. "Matinya Seorang Pahlawan" dalam *Tamu di Bukit Kenny*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 89-119.

⁴⁰ *Ibid.*, hal. 101.

⁴¹ *Ibid.*, hal. 109.

⁴² *Ibid.*, hal. 110.

⁴³ *Ibid.*, hal. 114.

⁴⁴ *Ibid.*, hal. 119.

menurut zaman dan masyarakat yang memerlukannya.⁴⁵ Hero selalunya sebagai penggerak kepada perubahan sosial dan pemikiran serta disesuaikan dengan keperluan-keperluan dan nilai masyarakatnya.⁴⁶ Sesungguhnya Jebat adalah satu nama baru bagi suatu tamaddun pemikiran orang-orang Melayu sendiri.⁴⁷

Menurut J.S. Roucek, heroisme diterima oleh sesuatu bangsa apabila seluruh masyarakat menerima konsep heroismenya, ia menjadi wakil keunggulan bangsa dan menunjukkan bakat berjuang meninggikan taraf bangsa tersebut.⁴⁸ Biasanya bangsa yang mempunyai tradisi, metos, legenda dan kepahlawanan dengan mudahnya menerima konsep heroisme.⁴⁹ Apakah Jebat sudah diterima umum sebagai hero dalam masyarakat Melayu sukar untuk ditentukan. Namun terdapat tanda-tanda drama Jebat baik yang dipentaskan atau diTVkan mendapat sambutan yang hebat.⁵⁰ Nordin Selat berpendapat, keperwiraan Tuah telah digantikan oleh Jebat kerana keberaniannya yang luar biasa itu,⁵¹ namun disebabkan cara penentangan Jebat terhadap sultan bukan sebagai menentang feodal tetapi sifat sultan sendiri, ia tidak mungkin dapat diterima sebagai heroisme Melayu yang baru.

⁴⁵ Lucy Maynard Salmon, 1929. *Why is History Rewritten?* New York: Oxford University Press, hal. 56-57. Ia juga menerangkan mistik, legenda dan tradisionalisme selalu mendapat buraian yang baru dalam sastera menurut kepentingan dan orientasi pengkajinya.

⁴⁶ Douglas Denham Rich, 1975. *Meroic Vision*, Michigan: Xerox University Microfilms, hal. 163-166.

⁴⁷ Mustafa Mohammad Isa, 1977. *Perwatakan Dalam Sejarah Melayu*, Alor Star: Pustaka Jasmin, hal. 113-115. Dan lihat, Ali Aziz, *op. cit.*, hal. 89-92. Dan lihat juga, Kassim Ahmad, *Perwatakan Dalam Hikayat Hang Tuah*, hal. 31, 41-42 dan 63. Antara lain tulisnya: "Jebat adalah sebenarnya hero suatu zaman yang lain." Dan "Jebat seorang pemberontak . . . melawan susunan masyarakat feodal. Dia adalah pembawa zaman yang baharu . . . merupakan satu langkah ke hadapan ke tingkat demokrasi . . . jadi dia adalah seorang pemberontak kebangsaan . . . kita dapat menamakan dia sebagai seorang nabi dan pahlawan kebangsaan Melayu." Dan lagi "Jebat mendapat kehormatan yang lebih tinggi darjatnya. Kehormatan ini dengan serta merta memperkecilkan kejayaan-kejayaan Tuah yang banyak dan berbagai-bagai rupa itu. Dipandang dengan cara ini Jebatlah orang yang patut kita beri tempat yang istimewa dalam percubaan kita mencari hero epik Malaysia ini."

⁴⁸ J.S. Roucek, 1965. *Social Control*, New York: D. Van Nostand Company, hal. 161.

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 190-191.

⁵⁰ Drama Usman Awang "Matinya Seorang Pahlawan" itu telah diTVkan dan mendapat ulasan yang baik dari pengkritik. Begitu juga Dinsman pernah memodenkan keperwiraan Jebat dengan judul "Jebat Moden". Pada dasarnya drama-drama tersebut mendapat sambutan dan publisiti yang menarik.

⁵¹ Nordin Selat, 1978. *Renongan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, hal. 164-165.